



## PENGENALAN

- e-Dagang adalah sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi rangkaian elektronik, termasuk aktiviti pemberian maklumat, promosi, pemasaran, pembekalan atau penghantaran barangan atau perkhidmatan, meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi ini mungkin dijalankan di luar talian
- Individu / syarikat yang menjalankan perniagaan e-Dagang dikenakan cukai pendapatan di Malaysia berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967

## MEDIUM e-DAGANG

- Laman sesawang (com, my, net, blog, facebook, twitter, forum, dll)
- Telefon bimbit

## TANGGUNGJAWAB PENIAGA e-DAGANG

- Setiap peniaga mesti mempunyai nombor cukai pendapatan
- Melaporkan pendapatan / kerugian yang diterima daripada aktiviti perniagaan e-Dagang
- Mengisi dan menghantar Borang e-B secara e-Filing
- Jika perniagaan adalah perkongsian :
  - Isi dan hantar Borang e-P melalui e-Filing (tanggungjawab ahli kongsi utama)
  - Hantar Borang e-P tanpa akaun perkongsian
  - Maklumkan secara bertulis sekiranya perkongsian tamat / ditukar kepada milikan tunggal / syarikat sendiri berhad

## Membuat bayaran cukai (ByrHASiL)

- Peniaga e-Dagang wajib memaparkan maklumat perniagaan seperti nama perniagaan, nombor pendaftaran dan lain-lain di laman sesawang. (Akta Syarikat 1965, seksyen 121(1)(b) dan peraturan-peraturan perlindungan pengguna [Lurusniaga perdagangan elektronik] 2012)

**DOKUMEN DAN REKOD YANG PERLU DISIMPAN**

- Penyata dari *payment gateway* (Paypall, ipay88, MOL, dll)
- Perbelanjaan domestik dan persendirian
- Penyata bank
- Penyata pendapatan daripada syarikat pengiklanan (Nuffnang, Google AdSense, dll)
- Pengesahan jualan dan belian melalui e-mel, dll
- Dokumen perjanjian
- Resit asal bagi setiap pelepasan / belanja yang dituntut, dll

Dokumen, rekod dan akaun perniagaan perlu disimpan selama 7 tahun

## PERBELANJAAN PERNIAGAAN

**DIBENARKAN**

Perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan

- Contoh :
- Kos kemaskini laman sesawang
  - Bayaran konsultan laman sesawang
  - Bayaran pembaharuan nama domain
  - Internet akses
  - Peralatan telekomunikasi, modem
  - Sewa server
  - Utiliti

## 1. Perbelanjaan domestik dan persendirian

- Contoh :
- Bil elektrik dan bil air rumah kediaman

## 2. Perbelanjaan beli aset peribadi

- Contoh :
- Kereta
  - Rumah
  - Perabot

**TIDAK DIBENARKAN**

## ELAUN MODAL

- Potongan Elaun Modal atas aset perniagaan boleh dituntut dan ditolak selepas pengiraan pendapatan larasan

## JENIS DAN KADAR ELAUN

| JENIS ELAUN     | JENIS ASET                             | KADAR |
|-----------------|--|-------|
| Elaun Permulaan | Semua jenis aset                       | 20 %  |
| Elaun Tahunan   | Kenderaan bermotor, jentera berat      | 20 %  |
|                 | Loji dan jentera                       | 14 %  |
|                 | Peralatan pejabat, perabot danengkapan | 10 %  |
|                 | Komputer                               | 40 %  |

**e-DAGANG**

## SKOP PENGENAAN CUKAI

|                    | OPERASI PERNIAGAAN |               | LAMAN SESAWANG DITEMPATKAN |   | PENDAPATAN PERNIAGAAN e-DAGANG DITERIMA DI MALAYSIA DAN DIKENAKAN CUKAI   |
|--------------------|--------------------|---------------|----------------------------|---|---|
|                    | MALAYSIA           | LUAR MALAYSIA | MALAYSIA                   | LUAR MALAYSIA   |   |
| PEMASTAUTIN        | ✓                  |               | ✓                          |   | YA  |
|                    | ✓                  |               |                            | ✓   | YA  |
|                    | ✓                  | Cawangan      |                            |   | Pendapatan syarikat yang terbit dari operasi dijalankan di Malaysia dikenakan cukai, manakala pendapatan dari jualan menerusi laman sesawang diperolehi dari operasi perniagaan cawangan di luar Malaysia tidak dikenakan cukai |
|                    |                    | ✓             | ✓                          |   | TIDAK   |
| TIDAK BERMASTAUTIN |                    | ✓             |                            | ✓   | TIDAK   |
|                    | ✓                  |               | ✓                          |   | YA  |
|                    | ✓                  |               |                            | ✓   | YA  |
|                    | Cawangan           | ✓             |                            | ✓   | Pendapatan syarikat yang beroperasi di luar Malaysia tidak dikenakan cukai, manakala pendapatan e-Dagang yang diperolehi dari perniagaan cawangan di Malaysia dikenakan cukai   |
| Cawangan           | ✓                  |               | ✓                          | Pendapatan syarikat yang beroperasi di luar Malaysia tidak dikenakan cukai, manakala pendapatan e-Dagang yang diperolehi dari perniagaan cawangan di Malaysia dikenakan cukai |   |

- ▶ PERNIAGAAN - Berupa perkilangan / penjualan / perkhidmatan
- ▶ PRODUK - Berupa ketara / tidak ketara
- ▶ LAMAN SESAWANG - Mengenalpasti / menjawab soalan / tempahan / bayaran / penghantaran atas talian
- ▶ PRODUK KETARA - Dihantar melalui saluran penghantaran biasa
- ▶ Aktiviti perniagaan termasuklah mendapatkan kandungan laman sesawang / pemerolehan barangan / promosi dan pengiklanan / jualan / penghantaran produk / mengemaskini laman sesawang / lain-lain